

**PROGRAM PENYERAHAN MOCK CHEQUE DAN PERBINCANGAN DI ANTARA
UTeM & HRSB HOLDING SDN BHD.**

2 Februari 2021, 3.00 Petang

1. Delegasi dari HRSB Holdings Sdn. Bhd.

- a. **Ybhg. Dato' Hj Mohd Faizal Bin Hj Mohd Hassim**
Presiden HRSB Holdings Sdn Bhd
- b. **Ybhg. Dato' Haji Jamil bin Hashim**
Pengerusi Eksekutif HRSB Holdings Sdn Bhd
- c. **Ybhg. Dato' Haji Mohd Sabri bin Zahari**
Naib Presiden (Operasi) HRSB Holdings Sdn Bhd
- d. **Ybrs. En Noranis bin Bohari**
Naib Presiden (Kewangan) HRSB Holdings Sdn Bhd
- e. **Ybrs. En. Khairull Aswad bin Jaafar**
COO Hydrospeed, HRSB Holdings Sdn Bhd

2. Delegasi UTeM

- a. **Ybhg. Prof. Dr. Ghazali bin Omar**
Menjalankan fungsi Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
- b. Pegawai Kanan Universiti, Para Penyelidik dan
Hadirin sekalian.

1. Pertama sekali, bagi pihak pengurusan Universiti, saya mengalu-alukan delegasi dari HRSB Holdings Sdn. Bhd. ke Kampus Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
2. Sepertimana yang kita semua sedia maklum, UTeM dan HRSB Holdings Sdn. Bhd. telah memeterai MoA pada 18 Disember 2020. Menerusi kolaborasi strategik ini, UTeM dan HRSB Holdings bekerjasama dalam pembangunan produk penyelidikan yang dikenali sebagai *Bundle Puller* bagi kegunaan industri oil & gas, menggunakan dana *matching grant Malaysian Technical University Network* (MTUN) bernilai RM400,000.00, yang dibiayai secara bersama.
3. Alhamdulillah, pada petang ini, pihak HRSB Holdings telah menyerahkan *mock cheque* berjumlah RM200,000 kepada UTeM. Terima kasih di atas kerjasama baik dan kepercayaan yang diberikan kepada penyelidik UTeM dalam pembangunan produk penyelidikan berimpak tinggi ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

4. Dikesempatan perjumpaan pada petang, kita juga akan membincangkan kemajuan projek pembinaan *bundle pillar* yang sedang berjalan. Perbincangan secara terperinci aspek teknikal dan pengoperasian projek tersebut boleh dilaksanakan bersama-sama team penyelidik UTeM yang

hadir bersama dalam perbincangan ini. Saya amat yakin, para penyelidik UTeM ini merupakan mereka yang berkepakaran dan berkemahiran tinggi dalam bidang tersebut.

5. Selain itu, kami juga ingin mengambil kesempatan menerusi platform perbincangan petang ini, untuk berbincang dan mencadangkan projek-projek lain yang berpotensi tinggi untuk dibangunkan secara bersama dengan pihak HRSB Holdings Sdn. Bhd. Antara projek tersebut adalah:
 - a. Pembangunan perisian atau apps bagi tujuan pemantau aktiviti syarikat,
 - b. Penghasilan *Non Metal for Piping* untuk menangani permasalahan kritikal yang dihadapi oleh semua syarikat minyak iaitu kakisan (corrosion).
 - c. Pembuatan dan penghasilan *material and structure* untuk membina tiang pencawang bagi kegunaan syarikat telco.
 - d. *Inspection and plant maintenance*, bagi memastikan segala proses mengenalpasti kerosakan pada sistem diloji minyak dapat dijalankan dengan lebih berkesan.
6. Saya amat yakin cadangan projek berpotensi tinggi ini bukan sahaja memberi manfaat terhadap perkembangan penyelidikan di UTeM malah dapat mewujudkan sinergi

yang dapat memberi impak yang lebih dinamik khususnya dalam melengkapi dan memenuhi keperluan pihak industri.

7. Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi teknikal, kami berharap kepakaran kami dalam bidang tujuan - Pembuatan Termaju dan Teknologi Komputer dapat dikongsikan secara bersama disamping merealisasikan hasrat UTeM yang berkehendak supaya warganya menjadi *solution provider* yang menyumbang terhadap pembangunan industri di negara ini yang lebih mapan disamping turut meningkatkan kesejahteraan masyarakat.
8. Insya Allah, menerusi kerjasama strategik UTeM – HRSB Holdings Sdn. Bhd., lebih banyak lagi pembangunan dan penghasilan produk penyelidikan inovasi yang berpotensi tinggi, secara langsung dapat melengkapi dan memperkuatkan lagi ekosistem akademia – industri dan komuniti di negara ini.
9. Semoga usaha kita bersama ini mendapat keberkatan Allah SWT.

Sekian, terima kasih.